



TAWARAN PENAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM NEGARA (LSPM) TAHUN 2025

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara.

Calon-calon akan ditawarkan penajaan secara berpakej bagi pengajian peringkat Persediaan sehingga peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

2. STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM LSPM

- 2.1. Penajaan di bawah Program Khas Lepasan SPM Dalam Negara (LSPM) ini adalah **secara berpakej** merangkumi peringkat Persediaan dan Ijazah Pertama.
- 2.2. Calon-calon yang berjaya akan mengikuti program persediaan di Kolej Persediaan dalam negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **LAMPIRAN 1**.
- 2.3. Seterusnya, pelajar yang berjaya menamatkan pengajian peringkat persediaan boleh melanjutkan pengajian **peringkat Ijazah Pertama** di mana-mana Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang tersenarai di **LAMPIRAN 2**.

- 2.4. Bagi tujuan penajaan, pelajar hendaklah telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam tempoh 12 bulan tamatnya program persediaan. Pelajar tidak dibenarkan untuk menangguhkan pengajian ke tahun berikutnya.
- 2.5. Program Pengajian yang diikuti hendaklah dijalankan secara sepenuh masa di institusi **dalam negara** sahaja dan tidak termasuk dalam program berkembar di luar negara atau sebahagian daripadanya dijalankan di luar negara (kecuali di bawah program mobiliti).
- 2.6. Pelajar-pelajar yang melepas syarat HKA bagi sesuatu bidang tetapi tidak ditawarkan tempat pengajian dalam bidang yang diambil ketika pengajian di peringkat Persediaan boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian dalam bidang lain di peringkat Ijazah Pertama, berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam program ini.
- 2.7. Sekiranya pelajar enggan meneruskan penajaan di peringkat Ijazah Pertama di bawah tajaan JPA atau enggan mematuhi syarat-syarat penajaan yang ditetapkan oleh JPA bagi menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Pertama, **penajaan pelajar akan ditamatkan dengan tuntutan ganti rugi.**

3. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

3.1. Syarat Umum Calon

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;

- c) Ibu dan/ atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- d) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- e) Menduduki peperiksaan SPM 2024 buat kali pertama di mana-mana sekolah menengah atau calon-calon persendirian;
- f) Umur belum mencapai 19 tahun (atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- g) Keutamaan diberikan kepada calon daripada latar belakang keluarga dengan kategori pendapatan B40 dan M40.

3.2. **Syarat Khusus Calon**

- a) Pelajar hendaklah mendapat keputusan SPM sekurang-kurangnya 9A+ dalam mana-mana mata pelajaran tanpa mengambil kira mata pelajaran selebihnya (sekiranya ada);
- b) Memulakan pengajian peringkat Persediaan sebelum 31 Disember tahun penawaran biasa; dan
- c) Bagi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, hanya terbuka kepada **pelajar selain pegawai kadet**.

3.3. **Bidang Pengajian**

- 3.3.1. Pelajar diberi ruang untuk memilih bidang pengajian tertakluk kepada kursus/ program yang ditawarkan oleh institusi pendidikan bagi tahun kemasukan pelajar, kecuali bidang-bidang yang tidak ditaja.
- 3.3.2. Program pengajian yang ditaja hendaklah telah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/ atau diiktiraf oleh Badan Profesional (jika berkaitan).

3.3.3. Bidang-bidang yang **tidak ditaja** adalah seperti berikut:

- a) Bidang perubatan, pergigian dan farmasi. Pelajar boleh memohon melalui Program Khas Perubatan, Pergigian dan Farmasi (Lepasan SPM);
- b) Bidang pendidikan;
- c) Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan dan sebagainya;
- d) Program-program berkembar/ ijazah dual/ *double degree*/ program kerjasama dengan institusi lain;
- e) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;
- f) Program-program berkaitan sijil/ kursus profesional; dan
- g) Program pengajian secara separuh masa/ jarak jauh/ dalam talian.

4. BENTUK PENAJAAN

Penajaan program ini adalah dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)** **Berasaskan Merit Akademik** memperuntukkan **kemudahan pengecualian/ pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) akhir dan/ atau dilantik dalam Sektor Awam setaraf dengan kelayakan** seperti berikut:

Kriteria	Peratusan bayaran balik PBU
i) PNGK akhir 3.75 - 4.00 atau setara tanpa pelanjutan	5%
ii) PNGK akhir 3.50 - 3.74 atau setara tanpa pelanjutan	10%
iii) PNGK akhir 3.00 - 3.49 atau setara tanpa pelanjutan	15%
iv) PNGK akhir 3.00 dan ke atas atau setara dengan pelanjutan	20%

Kriteria	Peratusan bayaran balik PBU
v) PNGK akhir di bawah 3.00 atau setara atau Gagal pengajian	100%
DAN/ ATAU	
Dilantik dalam Sektor Awam (setaraf dengan kelayakan)	Dikecualikan bayaran balik atas baki nilai pinjaman

5. KETETAPAN PENAJAAN

5.1. Peringkat Persediaan

Pelajar hendaklah **memulakan pengajian Persediaan sebelum 31 Disember tahun penawaran biasa.**

Tempoh maksimum untuk mengikuti pengajian di peringkat Persediaan adalah bagi tempoh **24 bulan yang dikira daripada tarikh memulakan pengajian tahun penawaran biasa.** Pelajar tidak layak dipertimbangkan pelanjutan selepas tempoh maksimum ini tamat.

5.2. Peringkat Ijazah Pertama

Bagi tujuan penajaan, pelajar hendaklah telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam tempoh 12 bulan tamatnya program persediaan. Pelajar tidak dibenarkan untuk menangguhkan pengajian ke tahun berikutnya.

Program Pengajian yang diikuti hendaklah dijalankan secara sepenuh masa di institusi dalam negara sahaja dan tidak termasuk dalam program berkembar di luar negara atau sebahagian daripadanya dijalankan di luar negara (kecuali di bawah program mobiliti).

Pelajar-pelajar yang melepassi syarat HKA bagi sesuatu bidang tetapi tidak ditawarkan tempat pengajian dalam bidang yang diambil ketika pengajian di peringkat Persediaan boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian dalam bidang lain di peringkat Ijazah Pertama, berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam program ini.

6. PERMOHONAN

- 6.1. Tawaran penajaan ini akan disiarkan di portal <https://penajaan.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka secara dalam talian di portal tersebut mengikut tarikh dan tempoh yang ditetapkan oleh JPA.
- 6.2. Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini/ meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. **Sebarang perubahan maklumat permohonan selepas tarikh tutup tidak akan diterima. Sekiranya calon membuat semakan semula keputusan SPM, calon perlu segera mengemukakan hasil semakan semula yang diterima daripada Lembaga Peperiksaan dalam tempoh permohonan dibuka sahaja menerusi e-mel lepasanspm2025@jpa.gov.my.**
- 6.3. Calon **diwajibkan** mengambil dan melengkapkan **Ujian Khas Penajaan Persekutuan (UKPP)** melalui Sistem ePermohonan. Calon yang tidak menduduki ujian ini adalah dikira gagal dan tidak layak ditawarkan penajaan.
- 6.4. Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian *call centre* iaitu 03-8885 3297 (jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang) atau e-mel lepasanspm2025@jpa.gov.my (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).
- 6.5. Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan **hasil keputusan semakan semula SPM tidak akan dipertimbangkan** sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan iaitu pada **11 Mei 2025 (Ahad), jam 5.00 petang.**

7. STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)

Calon-calon yang memohon akan disenarai pendek dan dipanggil untuk menghadiri SAC. SAC diadakan bertujuan bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. **Program SAC dijadualkan berlangsung mulai 10 hingga 12 Jun 2025 mengikut zon temu duga.**

8. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari / Masa
Permohonan dibuka	30 April 2025 (Rabu) 10.00 pagi
Permohonan ditutup	11 Mei 2025 (Ahad) 5.00 petang
Pengisian UKPP	30 April 2025 (Rabu) 10.00 pagi – 11 Mei 2025 (Ahad) 5.00 petang
Semakan Panggilan SAC	2 Jun 2025 (Isnin) 9.00 pagi – 5 Jun 2025 (Khamis) 4.00 petang
Tempoh SAC	10 Jun 2025 (Selasa) – 12 Jun 2025 (Khamis)
Jangkaan Keputusan	Minggu kedua bulan Julai 2025

9. HAK KERAJAAN

9.1. Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

- 9.2. JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.

- 9.3. JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

-TAMAT-

**SENARAI PROGRAM PERSEDIAAN YANG DITAWARKAN DI BAWAH
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
DALAM NEGARA TAHUN 2025**

BIL.	SENARAI PROGRAM PERSEDIAAN
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
3.	Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
4.	Asasi Universiti Awam (UA) <u>Contoh:</u> Asasi UIAM; Asasi Sains UM; Asasi UNIMAS; Asasi UMS; Asasi UniSZA; Asasi Pengajian Islam UM; Tamhidi USIM; Asasi UKM dan lain-lain.
5.	Program ASASIpintar, Pusat PERMATApintar Negara
6.	<i>Foundation IPTS*</i>

* Dilaksanakan di institusi-institusi seperti di LAMPIRAN 2

**SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM
NEGARA TAHUN 2025**

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)
4. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
5. Universiti Sains Malaysia (USM)
6. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
7. Universiti Utara Malaysia (UUM)
8. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
9. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
10. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
11. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
13. Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)
14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
15. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
16. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
17. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
18. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
21. Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
22. Universiti Multimedia (MMU)
23. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
24. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
25. Taylor's University
26. UCSI University
27. INTI International University
28. Sunway University
29. Management and Science University (MSU)
30. Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU)
31. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
32. Monash University Malaysia
33. University of Reading Malaysia
34. Curtin University Malaysia
35. University of Nottingham Malaysia
36. University Xiamen Malaysia
37. Swinburne University of Technology Sarawak Campus
38. Heriot-Watt University Malaysia
39. Newcastle University Medicine Malaysia (NuMED)
40. International Medical University (IMU)

Kemasukan adalah bagi saluran perdana serta laluan bukan bersubsidi/ *private wing*/ saluran terbuka/ saluran alternatif

Tersenarai dalam Kategori Berdaya Saing di bawah Penarafan SETARA 2022 dan QS World University Ranking mengikut kedudukan secara keseluruhan atau mengikut bidang tahun 2024/2025*

Nota: Bidang pengajian yang ditaja adalah bidang pengajian yang telah diiktiraf penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan telah diiktiraf oleh badan-badan profesional yang berkaitan.

*Penarafan QSWU adalah mengikut kedudukan secara keseluruhan (Tahun 2025) atau mengikut bidang (Tahun 2024). Semakan terakhir dibuat pada 8 April 2025.

LAMPIRAN 3

HAD KECEMERLANGAN AKADEMIK (HKA) KEPUTUSAN AKHIR PERINGKAT PERSEDIAAN

(i) Peringkat Persediaan

HKA keputusan akhir peringkat persediaan bagi melayakkan pelajar ditaja di peringkat Ijazah Pertama adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM PERSEDIAAN	HAD KECEMERLANGAN AKADEMIK (HKA)
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) 3.50 / 4.00
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	Peringkat Jayyid Jiddan dan mengambil sekurang-kurangnya empat mata pelajaran
3.	Asasi / Matrikulasi / Foundation	PNGK 3.75 atau setara / 4.00

(ii) Peringkat Ijazah Pertama

Had kecemerlangan yang perlu dikekalkan oleh pelajar adalah mengikut penetapan HKA yang berkuat kuasa.